



**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR
(RAKAMAN VIDEO)**

**MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERJANJIAN DAN MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN
ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DENGAN
INSTITUT TRANSPORTASI DAN LOGISTIK
TRISAKTI, JAKARTA, INDONESIA
DAN
UNIVERSITI PAKUAN, BOGOR, INDONESIA**

**7 SEPTEMBER 2023
KHAMIS, 10.00 PAGI (MALAYSIA)**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN

WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL

ANBIYAAI WAL MURSALIIN

WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.

Salutasi (Kemas kini berdasarkan kehadiran)

Para hadirin serta Rakan Media yang dihormati
sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat-Nya kita dapat bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan Majlis Menandatangani;

- **Memorandum Perjanjian (MoA)** antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan Institut Transportasi dan Logistik Trisakti, Jakarta, Indonesia serta;
- **Memorandum Persefahaman (MoU)** dengan Universitas Pakuan, Bogor, Indonesia.

2. Saya amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran kesemua rakan kolaborasi dari ke dua-dua institusi secara *virtual* pada pagi ini.

3. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan atas kehadiran wakil-wakil dari UiTM dan Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS) dalam majlis ini.

Hadirin yang dihormati,

4. Majlis hari ini adalah amat bermakna, kerana dengan termeterainya hubungan kolaborasi serantau di peringkat antarabangsa ini, bukan sahaja hubungan yang erat dapat diteruskan, malah selari dengan aspirasi universiti untuk memantapkan kedudukan UiTM di peringkat global.

5. Seperti yang telah kita sedia maklum, hubungan dalam bidang pendidikan antara Indonesia dan Malaysia telah berlangsung sejak lama dahulu, ketika pemerintah Republik Indonesia menghantar guru-guru

dari Indonesia ke Malaysia melalui "Project Malay Culture" pada zaman pemerintahan presiden Soeharto pada tahun 1970-an.

6. Sejarah pengiriman guru-guru Indonesia ke Malaysia dilaksanakan sejak tahun 1969 hingga akhir 1990-an. Kerjasama ini tidak hanya terhad di peringkat sekolah, tetapi melibatkan juga peringkat pendidikan tinggi.

7. Kerjasama UiTM dengan Institut Transportasi dan Logistik Trisakti (I.T.L), Jakarta, Indonesia telah dimulai ketika I.T.L Trisakti masih bernama Sekolah Tinggi Transportasi dan Logistik Trisakti lagi iaitu pada tahun 2018. I.T.L Trisakti telah menghantar dua orang pensyarah untuk meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengangkutan dan

Logistik di MITRANS, UiTM. Sehingga saat ini, hubungan antara kedua institusi ini masih utuh dengan pelbagai usahasama demi meningkatkan mutu Pendidikan dan penyelidikan di dalam bidang Pengangkutan dan Logistik kedua-dua negara.

8. I.T.L Trisakti dan UiTM bersetuju untuk mengadakan perjanjian kolaborasi dalam bidang penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel berindeks, pertukaran staf dan pelajar, seminar, perbincangan akademik serta aktiviti khidmat masyarakat.

9. Walau bagaimanapun, perjanjian ini tidak terbatas kepada aktiviti yang disebutkan sahaja, malah boleh dapat berkembang kepada aktiviti lain yang boleh memanfaatkan kepada kedua-dua organisasi.

Tuan-Tuan dan Puan Puan,

10. UiTM juga mengalu-alukan hubungan perjanjian persefahaman bersama Universitas Pakuan, Bogor, Indonesia.

11. Universitas Pakuan dan UiTM bersetuju untuk mengadakan kolaborasi dalam bidang berkaitan penyelidikan, penerbitan, pertukaran pelajar dan juga staf serta seminar dan perbincangan akademik. Walau bagaimanapun, kolaborasi ini juga boleh dapat berkembang.

4. Bagi mencapai hasrat untuk menjadi Universiti yang dikenali dunia (GRU2025), UiTM telah melancarkan pelan melalui tiga teras strategik sebagai tunggak utama

iaitu pendidikan berkualitas, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai. Justeru, dengan kolaborasi bersama institusi pengajian tinggi dari Indonesia ini, saya yakin, visi Universiti akan dapat direalisasikan.

5. Justeru, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada rakan kolaborasi iaitu I.T.L Trisakti dan Universitas Pakuan atas kesudian menjalinkan kerjasama dengan pihak UiTM.

6. Saya juga mengucapkan syabas kepada pihak MITRANS dan semua yang menjayakan kerjasama ini.

7. Semoga sinergi yang dimiliki pada hari ini akan meningkatkan lagi mutu pendidikan dan penyelidikan serta memberi nilai kepada kedua belah pihak. Dalam

masa yang sama, ia akan terus memperkukuh hubungan murni antara Malaysia dengan Indonesia.

Sekian

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.